



# Produktiviti, kecekapan ditingkat

**DALAM** menangani cabaran alaf baru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan beberapa inisiatif supaya modal insan terus relevan dalam membentuk Perkhidmatan Awam yang dapat memenuhi tuntutan semasa rakyat dan juga sektor swasta.

Pembangunan modal insan merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan kecekapan Perkhidmatan Awam dan sektor swasta bagi membolehkan negara terus berdaya saing demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Dalam pada itu, JPA turut membangunkan modal insan yang terbaik dan berdaya saing melalui pelaksanaan latihan dalam perkhidmatan.

Latihan itu dilakukan bukan sahaja di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran tetapi juga melalui kursus-kursus pendek baik di dalam mahupun di luar negara bagi meningkatkan kompetensi dan pengetahuan perjawatan awam.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai pusat latihan JPA mencerminkan falsafah latihan iaitu 'Latihan Untuk Pembangunan'.

Selaras dengan falsafah ini, JPA menerusi INTAN berusaha melahirkan anggota Perkhidmatan Awam yang kompeten dan berkemahiran bagi menjayakan agenda pembangunan nasional.

Selain daripada melatih kakitangan awam, JPA juga menyediakan perkhidmatan perundingan berkaitan latihan dan kursus kepada para pelanggannya terdiri daripada agensi kerajaan dalam dan luar negara.

Setiap tahun INTAN menganjurkan kursus seperti Induksi, Mandatori, Pembangunan Profesional, Peningkatan Kecekapan, Penilaian, Persijilan, Diploma, dan peringkat sarjana dengan kerjasama universiti.

Jangka masa kursus bergantung kepada jenis kursus yang dipilih iaitu jangka pendek (tiga hingga lima hari), jangka panjang (dua minggu hingga dua bulan) manakala kursus-kursus peringkat Diploma dan Sarjana (antara enam bulan hingga dua tahun).

Sementara itu, JPA menubuhkan 12 program untuk membolehkan INTAN berfungsi secara lebih holistik dan sistematik, selain menyediakan struktur yang lebih kondusif bagi memberi sokongan kepada para pegawai dan kakitangan INTAN untuk melaksanakan tanggungjawab lebih mencabar.

Program-program terbabit ialah Kepimpinan, Komunikasi dan Pembangunan Latihan, Pembangunan Pengurusan, Pengurusan Konsultasi dan Penyelidikan, E-Pembelajaran Sektor Awam, Pengurusan Teknologi,

Pada Rancangan Malaysia Kesembilan yang menekankan aspek pembangunan modal insan, Pelan Strategik JPA memberi fokus kepada penyediaan keperluan anggota Perkhidmatan Awam melalui program latihan, penyelidikan, penerbitan dan konsultasi yang berkualiti dan berterusan.

Pembangunan Profesional, Pengurusan Kewangan, Pembangunan Ekonomi dan Pengurusan Pemiagaan, Pengurusan Kerajaan Tempatan dan Daerah, Latihan ICT serta Penyelidikan dan Pembangunan ICT.

Dalam usaha JPA untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia, konsep berasaskan pengetahuan lebih diaplikasikan bagi membolehkan institusi itu memainkan peranan yang signifikan dalam membangunkan kapasiti pegawai awam sekali gus menghasilkan perkhidmatan cemerlang.

Pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menekankan aspek pembangunan modal insan, Pelan Strategik JPA memberi fokus kepada penyediaan keperluan anggota Perkhidmatan Awam melalui program latihan, penyelidikan, penerbitan dan konsultasi yang berkualiti dan berterusan.

Sehubungan itu, JPA akan memastikan agar perkhidmatan yang diberikan adalah relevan dan berkesan dalam melahirkan anggota sektor awam yang sentiasa berfikir, kreatif dan inovatif serta berupaya menyumbang kepada pembangunan negara.

Pada masa sama, JPA juga berusaha meluaskan skop penyampaian program latihan bagi melahirkan lebih ramai modal insan sektor awam yang berprestij tinggi dan mampu memberikan perkhidmatan kelas pertama.

Dengan itu, JPA telah menerajui pelaksanaan E-Pembelajaran berpandukan Rangka Tindakan E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA).

Selain itu, kaedah pelaksanaan latihan secara *blended learning* iaitu kombinasi menerusi atas talian dan pertemuan bersemuka dalam kelas juga akan diperkenalkan bagi meningkatkan pembelajaran.

Untuk memantapkan usaha meningkatkan kecekapan dan kemahiran tenaga kerja sektor awam menerusi program-program latihan yang



efektif, JPA turut menyediakan latihan eksekutif bagi pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Justeru, JPA menjalin kerjasama dengan institusi terkemuka seperti Harvard, Cambridge dan Oxford bagi mengendalikan program latihan berkenaan.

Di samping itu, JPA juga telah mengadakan kolaborasi dengan organisasi serantau dan antarabangsa termasuk institusi latihan di Asia, Afrika, Asia Selatan, Timur Tengah, Eropah Timur, Amerika Latin, Kepulauan Caribbean dan Kepulauan Pasifik.

Antara agensi-agensinya serantau dan antarabangsa yang mempunyai jaringan kerjasama dengan JPA ialah *United Nations Development Programme* (UNDP), Sekretariat Komanwel, Sekretariat ASEAN, *Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (ESCAP), *British Council*, Bank Pembangunan Islam, *Japanese International Cooperation Agency* (JICA) dan Bank Dunia.



KAKITANGAN JPA menunjukkan isyarat bagus sempena kempen 'Budaya Kerja Kelas Pertama'.

## 12,000 penajaan JPA 2009 untuk latihan pra-perkhidmatan

**DALAM** usahanya untuk membangunkan modal insan, JPA juga melabur ke atas pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan menaja biasiswa kepada 12,000 orang untuk mengikuti kursus ijazah pertama di dalam dan luar negara.

Penajaan ini adalah dalam bidang-bidang kritikal (perubatan, pergigian, farmasi, sains perubatan veterinar), Kejuruteraan, Sains & Teknologi serta bidang Sains Sosial yang diperlukan oleh Perkhidmatan Awam dan negara.

Bagi pelajar-pelajar lepasan SPM 2008, mereka mempunyai masa sehingga tujuh hari daripada tarikh keluar keputusan untuk memohon biasiswa JPA.

Menurut Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, **Mohd. Tajudin Don**, permohonan boleh dilakukan secara *on-line* dan ia terbuka kepada semua pelajar yang memenuhi syarat.

Jelas beliau lagi, tahun ini merupakan tahun kelima JPA melaksanakan permohonan secara *on-line*. "Bagi pelajar-pelajar lepasan SPM, mereka

bolehlah layari [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) untuk membuat permohonan biasiswa," ujarnya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurutnya bagi tahun 2009, sejumlah 2,000 orang pelajar akan ditaja ke luar negara di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan 10,000 orang pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan di bawah Program Ijazah Dalam Negara (PIDN).

Bagaimanapun katanya, pada tahun ini pelajar-pelajar cemerlang digalakkan untuk memilih mengikuti pengajian di IPT terpilih di dalam negara. Untuk itu, JPA bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dari segi kemasukan pelajar-pelajar berkenaan ke IPT tempatan.

### Biasiswa

"Kami menyasarkan seramai 20 orang pelajar dan mereka yang terpilih dan bersetuju untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara bukan sahaja akan diberikan biasiswa malah mereka juga akan turut diberikan elau sara hidup seba-

nyak 50 peratus lebih tinggi daripada jumlah biasiswa yang ditawarkan," katanya.

Keputusan tersebut mampu menarik minat para pelajar melanjutkan pelajaran di IPT tempatan serta selari dengan hasrat kerajaan yang berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan serantau.

Bagi para pelajar yang ingin memohon biasiswa JPA, perlu diingatkan bahawa kecemerlangan akademik bukanlah kriteria tunggal yang menjadi penentu kejayaan permohonannya untuk mendapatkan biasiswa JPA.

Sebaliknya menurut Mohd. Tajudin, ia dinilai dalam pakej yang menyeluruh mencakupi kemampuan keluarga, kombinasi mata pelajaran yang diambil, kegiatan kokurikulum yang disertai, prestasi yang ditunjukkan calon semasa temu duga serta ujian khas biasiswa.

Selain itu, turut menjadi penentu kejayaan permohonan ialah bilangan tempat pengajian yang terhad terutamanya dalam bidang-bidang kritikal (perubatan, pergigian, farmasi, sains perubatan veterinar).

## Lebih 40,000 biasiswa JPA diberi dalam tempoh empat tahun

SEBANYAK 41,122 biasiswa JPA telah diberi untuk pengajian tinggi di dalam dan luar negara sejak tahun 2004 sehingga kini.

Daripada jumlah itu, sebanyak 33,038 biasiswa bagi pengajian dalam negara manakala sebanyak 8,084 biasiswa adalah bagi pengajian luar negara.

Jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA di dalam dan luar negara dari tahun 2004 hingga 2008:

Tahun	Dalam Negara	Luar Negara	Jumlah
2004	4,424	1,484	5,908
2005	5,286	1,300	6,586
2006	5,753	1,500	7,253
2007	7,575	1,800	9,375
2008	10,000	2,000	12,000
<b>Jumlah</b>	<b>33,038</b>	<b>8,084</b>	<b>41,122</b>



PERUBATAN merupakan antara bidang kritikal yang menjadi keutamaan JPA untuk memberi tajaan biasiswa kepada pelajar.

Hubungi JPA untuk komen, cadangan atau pertanyaan



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Blok C1-C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Telefon: 03-8885 3000/4000 Faks: 03-8889 2186  
Sistem Maklum Balas: <http://www.jpa.gov.my/cadangan/>  
Helpdesk HRMIS: 03-8885 3358/3383  
Urusan Pencen/Faedah Persaraan: 03-8885 4906  
Pengurusan Kompetensi/PTK & Kursus Kenegaraan:  
03-8946 4547/4548/4574  
Perhubungan Majikan-Pekerja: 03-8885 4192



TIGA belas penerima Biasiswa Agong 2008.